

Bebaskah kita bersuara?

MUKADIMAH

Masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini mempunyai hak kebebasan bersuara. Namun, ramai yang menyalahgunakan kebebasan ini sehingga menginggirkan isu sensitiviti. Lebih menyedihkan, perpaduan yang selama ini dijaga dan dijulang seolah-olah diketepikan atas alasan kebebasan bersuara. Sudah tentu jika kebebasan bersuara dibiarkan tanpa batasan, kemajmukan negara bakal menjadi taruhan.

Sempena Minggu Perpaduan Selangor, *Sinar Harian* menganjurkan Wacana Sinar ke-105 dengan tajuk *Bebaskah Kita Bersuara* yang berlangsung di Dewan Karangkraf, Shah Alam, semalam. Wacana ini menampilkan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Aldrina @ Mimi O.P. ANDU; peguam bela dan peguam cara, Mohamed Haniff Khatri Abdulla dan Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Chang Peng Kee sebagai panel. Personaliti TV, Ahmad Fedtri Yahya bertindak sebagai moderator. Ikuti kupasan lanjut.

Didik golongan muda makna perpaduan

SEJAK ada internet pada hujung 1990-an, zaman berubah dan kita ada media sosial. Remaja sekarang lahir pada zaman teknologi, mereka tertarik dengan media sosial untuk mencari sumber berita dan mereka rasa boleh berkomunikasi di media sosial sewenang-wenangnya.

Situasi itu menyebabkan mereka fikir boleh sebarikan maklumat dengan elemen perkauman yang bukan saja mewujudkan 'hate speech' tapi 'hate crime'. Mujur saya nampak kerajaan baru memberi respons yang baik dan akhirnya tenang.

Berbalik kepada kenapa orang muda tertarik kepada media sosial, pertama ia kerana senang untuk digunakan. Dua, ia menarik kerana bukan hanya perkataan tapi ada multimedia dan satu lagi kerana ia seronok. Apa yang kita

perlu buat adalah memberi pendidikan kepada remaja berhubung literasi media.

Ilmu perpaduan ini bukan kena masuk kelas tetapi kita sendiri kena bergaul dengan masyarakat yang pelbagai etnik. Kita juga tahu sensitiviti. Contohnya, kalau orang Islam datang ke rumah kami tahu apa yang perlu dihidangkan.

Di sini, keluarga turut memainkan peranan untuk beri pendidikan, ia bermula dari rumah. Selepas itu barulah kerajaan memainkan peranan. Didikan ini lebih penting daripada tukar silibus pelajaran. Tak semestinya kita belajar daripada buku teks, tetapi yang lebih penting adalah kita amalkannya.

Sejujurnya kita belum lagi capai perpaduan seperti yang kita katakan, yang paling kuat kita boleh katakan perpaduan itu berada pada tahap kebersamaan. Platform penyatuan perlu diperbanyakkan supaya kita teliti dalam berkata-kata dan tidak sewenang-wenangnya keluaran perkataan kesat yang boleh menyakitkan hati orang lain.

Itu yang selalu kita tak berwaspada.



DR CHANG PENG KEE

Hak bersuara tertakluk kepada sempadan tertentu

WALAUPUN kita bercakap hak bersuara namun apabila anda membuat kenyataan yang menyentuh tiga perkara iaitu bahasa Melayu, hak dan keistimewaan orang Melayu dan orang asal serta institusi diraja, ia bermakna anda menyentuh isu perpaduan.



MOHAMED HANIFF KHATRI

Atas dasar itu, perlembagaan digubal meletakkan perkara yang anda boleh bercakap tetapi ada hadnya. Hak bersuara anda mesti dihalang apabila anda menyentuh hak orang lain.

Pihak lain boleh sama ada individu fitnah orang itu atau masyarakat sendiri tetapi jangan sentuh isu agama, bangsa dan institusi diraja. Setiap hak mesti dihalang haknya, kalau tidak ia akan jadi cacat marba, boleh menyebabkan keadaan jadi tidak terkawal.

Hak adalah tertakluk kepada sempadannya. Jangan kata saya ada hak, saya nak buat apa saja pun boleh. Tidak. Tiada hak untuk buat apa saja. Begitupun, menggunakan kekerasan dalam menangan

sesuatu itu ada hadnya, bukan semua tempat kita boleh guna kekerasan.

Undang-undang boleh diwujudkan contoh seperti komen negatif dalam media sosial. Kita boleh guna undang-undang untuk menyekat akuan tersebut sementara sistem dibuat. Namun kalau kita lakukan setiap masa maka hak bersuara hilang.

Bagi saya yang lebih penting kefahaman dan keikhlasan kita untuk memahami satu sama lain. Bila tak faham, maka kita wujudkan satu keadaan yang boleh menyebabkan masalah datang sedangkan asal-usul masalah itu adalah ketidakfahaman.

Saya syorkan kepada semua untuk menjadi lebih sensitif, adil kepada orang lain kerana negara ini milik kita semua. Pada masa sama, kita perlu main peranan masing-masing.

Pada saya, perkara yang kita terjebak sekarang adalah alam maya yang mendorong keluaranya sifat kedurjanaan, sifat-sifat tidak berimbang rasa kerana kita rasa kita boleh berselewang di sebalik ketidakfahaman.

Perpaduan ibarat istana pasir

APABILA bercakap tentang perpaduan, setelah 61 tahun kita merdeka, ia mengenai agenda sosial atau fabrik sosial yang boleh dicorakkan. Apa yang ada dalam corak fabrik sosial sekarang ini? Ada struktur, kualiti, warna, kepelbagaian.

Proses sosial ini mengalami evolusi sehingga satu tahap ia amat kompleks, menyentuh kepada persekitaran dan kehidupan masyarakat. Perubahan dalam fabrik sosial ini adalah petunjuk kepada ikatan masyarakat itu sendiri.

Masyarakat Malaysia ini majmuk. Keunikan bangsa dan etnik menunjukkan kepelbagaian. Jadi seringkali negara kita berdepan rintangan tentang permasalahan antara etnik. Tentunya ini memerlukan penyelesaian.

Masyarakat kita umumnya telah didedahkan dengan pelbagai polemik. Perpaduan masyarakat Malaysia ibarat istana pasir yang boleh hilang apabila badai menghempas pantai bila-bila masa.

Kita sekarang di tahap *super diversity* disebabkan kebanjiran rakyat asing. Jadi ini juga mempe-

ngaruhi persekitaran dan kualiti rakyat kita.

Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin pernah berkata, kita di tahap ketegangan stabil iaitu di sana sini ada pertengkaran tetapi masih boleh diidamkan. Jadi, perpaduan yang diidamkan itu belum dicapai lagi sebenarnya.

Dulu, maklumat disalurkan melalui surat khabar dan radio. Satu hala. Tetapi sekarang zaman multimedia, komunikasi menjadi pelbagai hala. Perkara ini boleh disalah guna di alam maya.

Tapi yang penting apabila bercakap tentang perpaduan, kerajaan baru ketika ini hadir dalam era digital dan interaktif. Ruang media maya lebih luas.

Kerajaan baru menggunakan platform ini untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada semua orang agar dasar yang dibuat memberi impak. Kerajaan baru

memberi ruang untuk berbicara.

Bagi memberi gambaran jelas kepada orang ramai berkenaan kerajaan baru ini ialah kita ambil pendekatan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong pada pembukaian Parlimen, Mac lalu. Seri Paduka bertitah agar keterbukaan dan kebebasan bersuara diraikan tetapi dipraktikkan dalam lingkungan undang-undang.



ALDRINA